



## **UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KELANTAN)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ENCIK SABKI BIN IBRAHIM  
PENYELIA MUZIUM DIRAJA ISTANA BATU

OLEH:

ALIA IZZATI BINTI ABDUL LATIFF	2017761347
ANITH FARHANA BINTI JEMAIL	2017913087

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2019- JULAI 2019)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ENCIK SABKI BIN IBRAHIM  
PENYELIA MUZIUM DIRAJA ISTANA BATU

OLEH:

ALIA IZZATI BINTI ABDUL LATIFF	2017761347
ANITH FARHANA BINTI JEMAIL	2017913087

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2019- JULAI 2019)

IMR 604

ENCIK SABKI BIN IBRAHIM

MAC 2019 – JULAI 2019

# PENGHARGAAN

## **PENGHARGAAN**

Assalamualaikum W.B.T dan selamat sejahtera

Di kesempatan ini, kami ingin mengucapkan syukur ke atas Nya limpah kudrat kekuatan dari segi fizikal dan mental sehingga kami dapat selesaikan tugasan kami iaitu pendokumentasian sejarah lisan ini dengan sebaiknya. Dengan rendah diri kami juga amat berterima kasih kepada tokoh pilihan kami iaitu Encik Sabki Bin Ibrahim kerana banyak membantu dalam memberi maklumat sepanjang proses menyiapkan tugasan ini. Sekalung penghargaan juga kepada pensyarah kami Puan Nurulannisa Binti Abdullah dalam memberi panduan sepanjang perjalanan kami untuk menyiapkan tugasan ini daripada awal ke akhir. Beliau juga banyak memberi tunjuk ajar dari segi selok-belok adab dan tatasusila ketika berkomunikasi dengan tokoh.

Seterusnya, ribuan terima kasih juga diucapkan kepada para ibu bapa dan rakan-rakan yang memberi sokongan moral kepada kami ketika proses menyiapkan tugasan ini. Bukan itu sahaja, kami mengucapkan terima kasih juga kepada pegawai muzium kerana membantu kami dalam mencari tokoh yang sesuai untuk ditemu bual. Mereka juga memberi tunjuk ajar berkenaan panduan mengenai arah pandu untuk berjumpa dengan tokoh dan hal-hal berkaitan dengannya. Hal ini tidak langsung dapat mengeratkan hubungan sebagai pelajar dengan pegawai muzium. Akhir sekali, tugasan ini dapat memberi manfaat kepada kami untuk mengetahui tentang hal ehwal semasa berkenaan dengan topic yang dibincangkan bersama tokoh pilihan

# **ISI KANDUNGAN**

## ISI KANDUNGAN

<b>TAJUK</b>	<b>MUKA</b>
	<b>SURAT</b>
Penghargaan.....	i
Isi Kandungan.....	iii
Abstrak.....	v
Biodata Tokoh.....	vii
Pengenalan.....	ix
Transkrip.....	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	1
Bahagian 2: Pendidikan.....	4
Bahagian 3: Kerjaya.....	6
Bahagian 4: Sejarah Bangunan.....	9
Bahagian 5: Maklumat Lain Mengenai Bangunan.....	14
Bahagian 6: Reka Bentuk Bangunan.....	28
Bahagian 7: Aktiviti dan Perkhidmatan Muzium.....	32
Bahagian 8: Maklumat Penganugerahan dan Kejayaan.....	37
Bahagian 9: Pesanan dan Harapan.....	40
Lampiran	
Log Wawancara.....	44
Diari Kajian.....	47
Senarai soalan.....	50
Surat Perjanjian.....	54
Indeks .....	55

# ABSTRAK

## **ABSTRAK**

**Abstrak:** Temu bual ini dijalankan diantara Encik Sabki Bin Ibrahim dan pelajar iaitu Anith Farhana Binti Jemail dan Alia Izzati Binti Abdul Latiff. Tempat temu bual ini berlangsung di Muzium Diraja Istana Batu, Kota Bharu Kelantan. Sesi temu bual bermula pada jam 10.00 pagi sehingga jam 12.00 tengahari. Muzium Diraja Istana Batu ini dikenali atau mendapat nama sebagai Istana Batu kerana diperbuat daripada batu, berbanding beberapa istana sebelum itu di Kota Bharu yang menggunakan kayu sebagai bahan utama pembuatan. Di muzium ini mempamerkan Sejarah Kesultanan Kelantan sejak awal hingga sekarang termasuk salasilah, penulisan-penulisan, rajah-rajah, gambar-gambar, pakaian-pakaian rasmi, barang-barang hadiah dan lain-lain yang berkaitan dengan Kesultanan Kelantan. Tujuan temu bual ini dibuat adalah untuk mengetahui sejarah dan isi kandungan mengenai muzium yang ternama ini iaitu Muzium Diraja Istana Batu yang di tempatkan di Kota Bharu, Kelantan. Kami menemu bual penyelia muzium tersebut iaitu Encik Sabki Bin Ibrahim mengenai latar belakang beliau, sejarah pendidikan beliau, pencapaian beliau, bagaimana beliau boleh bekerja di muzium ini dan sebagainya.

**Kata kunci:** *Encik Sabki Bin Ibrahim, Muzium DiRaja Istana Batu, Muzium Istana Batu Kota Bharu Kelantan.*

# **BIODATA TOKOH**

## **BIODATA TOKOH**



Nama	: Sabki Bin Ibrahim
Umur	: 49 Tahun
Tarikh Lahir	: 11 November 1970
Tempat Lahir	: Wakaf Che Yeh, Kota Bharu, Kelantan
Status	: Berkahwin
Adik-Beradik	: Anak ke 3 daripada 6 orang
Pelajaran	: STPM – Sekolah Menengah Kebangsaan Kota
Tahun Mula bekerja	: 1991
Idola	: Dr Nik Azlan

# PENGENALAN

## PENGENALAN



Istana Batu dikenali atau mendapat nama sebagai Istana Batu kerana diperbuat daripada batu, berbanding beberapa istana sebelum itu di Kota Bharu yang menggunakan kayu sebagai bahan utama pembuatan. Bagaimanapun, Istana Batu bukan bangunan batu pertama di Kota Bharu. Sebaliknya, Bank Kerapu menjadi antara bangunan batu terawal di Kota Bharu. Istana Batu banyak menyimpan sejarah Sultan Kelantan. Istana Batu kini dikenali Muzium Diraja.

Istana Batu dibina pada tahun 1939 iaitu pada zaman pemerintahan Sultan Ismail Ibni almarhum Sultan Muhammad Keempat. Keseluruhan rekabentuk istana ini diilhamkan sendiri oleh Sultan Ismail. Ianya dikurniakan kepada Sultan Yahya Petra dan Raja Perempuan Zainab 11 dan sebagai hadiah perkahwinan baginda berdua.

Di muzium ini memperkenalkan Sejarah Kesultanan Kelantan sejak awal hingga sekarang termasuk salasilah, penulisan-penulisan, rajah-rajah, gambar-gambar, pakaian-pakaian rasmi, barang-barang hadiah dan lain-lain yang berkaitan dengan Kesultanan Kelantan. Muzium DiRaja Istana Batu ini terletak dalam pusat bandar Kota Bharu. Muzium ini amat bersejarah dan menjadi tarikan para pelancong penyelidik dan juga penduduk tempatan untuk mengenali lebih dekat lagi tentang keluarga DiRaja.

Istana ini terletak di Jalan Hilir Kota iaitu berhampiran dengan Istana Balai Besar, Istana Jahar dan Kampung Kraftangan. Manakala di bahagian belakang Istana Batu pula terletak Masjid Muhammadi iaitu Masjid Negeri Kelantan. Dengan melawat Istana Batu atau Muzium DiRaja ini, para pengunjung berpeluang untuk melihat dan merasai sendiri bagaimana keadaan di dalam istana yang pernah didiami oleh Sultan Kelantan dan Kerabat DiRaja pada suatu ketika dahulu.

604

ENCI  
K  
SABKI  
BIN  
IBRA  
HIM

MAC  
2019

-

JULAI  
2019

# **TRANSKRIP**

Rakaman ini berkisah tentang kisah pengalaman Encik Sabki Bin Ibrahim, penyelia Muzium Diraja Istana Batu yang bertempat di Kota Bharu, Kelantan. Rakaman telah diadakan pada 21 April 2019. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

ESI: Encik Sabki Ibrahim  
AF: Anith Farhana

## **BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH**

**AF : Assalamualaikum. Berikut merupakan temubual sejarah lisan yang telah dijalankan oleh Anith Farhana Binti Jemail dan Alia Izzati Binti Abdul Latiff, bersama Encik Sabki Bin Ibrahim mengenai pengalaman beliau sebagai penyelia Muzium Diraja Istana Batu, yang ditubuhkan pada tahun 1939. Sekarang saya ingin bertanya tentang latar belakang Encik. Boleh Encik ceritakan sedikit latar belakang Encik seperti sejarah pendidikan dan lain-lain bermula dengan nama penuh Encik.**

**ESI : Assalamualaikum. Nama saya adalah Sabki Bin Ibrahim. Saya bertugas di muzium ini adalah sebagai penyelia muzium di Muzium [Diraja] Istana Batu ini. Pendidikan awal saya di Sekolah Kebangsaan Kota, Kota Bharu dan pengajian menengah saya adalah di Sekolah Menengah Kebangsaan Kota. Peringkat tertinggi saya adalah STP lah di Sekolah Menengah Kebangsaan Kota.**

- AF** : **Adakah tuan mempunyai nama timangan?**
- ESI** : *Tak ade [tiada]. [gelak]*
- AF** : **Dimanakah tempat tuan dilahirkan?**
- ESI** : Saya dilahirkan di Kampung Wakaf Che Yeh, tau Kampung Wakaf Che Yeh?  
*Okay [baik], saya dilahirkan pada tahun 11 November 1970.*
- AF** : **Dimanakah tuan dibesarkan?**
- ESI** : Saya dibesarkan pun di Kampung Wakaf Che Yeh, kampung halaman saya tu.
- AF** : **Dimanakah tuan menetap sekarang?**
- ESI** : Saya menetap pun di sana, di Kampung Wakaf Che Yeh. Boleh jadi di tanah tumpah, apa dia di tempat kelahiran saya, tanah tumpah darah saya di situ.
- AF** : **Apakah nama ibu tuan dan pekerjaan nya?**
- ESI** : Nama ibu saya adalah Wan Fauziah Binti Wan Ahmad. Masih ada lagi, sekarang berumur dalam 60 tahun lebih.
- AF** : **Apakah nama bapa tuan dan pekerjaan dia?**
- ESI** : Bapa saya bernama Ibrahim Bin Abdullah, sekarang ini sudah bersara.
- AF** : **Bersara sebagai?**
- ESI** : Bersara sebagai kakitangan awam.

- AF Berapakah bilangan adik-beradik tuan?**
- ESI Adik-beradik saya seramai enam orang dan saya adalah anak (berdehem) anak yang ketiga daripada enam adik-beradik.
- AF Adakah tuan sudah berkahwin?**
- ESI "Ya, saya dah berkahwin [ketawa].
- AF Apakah nama penuh isteri tuan dan bekerja sebagai apa?**
- ESI Nama isteri saya adalah Puan Nora Binti Mohamad Nor. Pekerjaan sebagai suri rumah tangga sepenuh masa [gelak kecil].

**TAMAT BAHAGIAN 1**

## **BAHAGIAN 2: PENDIDIKAN**

**AF : Seterusnya saya mahu bertanya mengenai sejarah pendidikan Encik.**

**Apakah sumbangan tuan semasa persekolahan, di sekolah menengah.**

**ESI : Sumbangan saya di sekolah, tak ingat la saya apa sumbangan saya. Mungkin sebagai pengawas perpustakaan [ketawa]. Saya rasanya lagi dalam sukan sebagai kegiatan kurikulum. Sekarang dia panggil ko, dulu dia panggil aktiviti sekolah. Mungkin dalam bola sepak ataupun permainan badminton – dulu adalah – ada macam tulah sekolah dulu kan. Badminton dengan bolasepak sahaja [ketawa] yang *famous* [terkenal] masa tu.**

**AF : Selepas tuan tamat sekolah menengah, dimanakah encik menyambung pelajaran?**

**ESI : Lepas daripada SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) saya ambik STP (Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia). Jadi setakat tu sahaja saya – pembelajaran saya setakat tertinggi adalah Sijil Pelajaran Tinggi Malaysia.**

**AF : Semasa encik belajar, encik ada fikir atau buat apa-apa perancangan selepas menghabiskan pelajaran untuk bekerja sebagai apa?**

**ESI : Oo kalau cita-cita ni dia banyak la. Tapi [ketawa kecil] yang ni la cita-cita la – kita memang cita-cita tapi yang jadinya tak jadi apa yang kita cita-citakan. Jadi, sekarang ni saya berkhidmat di muzium. Pada masa dulu, kita tak terpikir untuk jadi sebagai penyelia muzium ni. Memang cita-cita kita dulu memang apa orang kata, tinggi sangat. Tapi tak tercapai.**

**TAMAT BAHAGIAN 2**

### **BAHAGIAN 3: KERJAYA**

**AF** : Seterusnya soalan mengenai kerjaya terkini encik. Apakah pekerjaan tuan pada masa kini?

**ESI** : Sebagaimana yang telah saya maklumkanlah ya, saya di sini di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan ini saya berkhidmat sebagai penyelia muzium. Contohnya saya berkhidmat sebagai penyelia muzium di Muzium Istana Batu ataupun lebih dikenali sebagai Muzium Diraja.

**AF** : Bilakah tuan mula bekerja disini?

**ESI** : Saya telah berkhidmat di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan ini dah pada tahun 1991, bermakna sekarang ni dah lebih 28 tahun saya rasa.

**AF** : Adakah encik berasa gembira di tempat kerja encik?

**ESI** : Saya rasa gembira, sebab setiap pekerjaan ni kita mesti ada rasa tanggungjawab dan mesti suka dengan apa yang kerjaya kita. Kalau kita tidak suka dengan kerjaya kita, itu memang akan jadi *problem* [masalah]. Suka tak suka pun, kita mesti suka [ketawa].

**AF** : Adakah encik mempunyai pekerjaan lain selain daripada pekerjaan encik sekarang?

**ESI** : *Takde* [tiada].

**AF** : Bagaimanakah encik boleh terlibat dengan pekerjaan di muzium ini?

**ESI** : Maksud cik Farhana? Terlibat macam mana tu?

**AF** : **Permulaan Encik bekerja sebagai penyelia di sini.**

**ESI** : Selepas habis sekolah tu, saya pernah berkhidmat ataupun pernah bekerja sebagai nilah – boleh saya cerita sejarah sikit. Dulu pada era tahun 1980 lebih tu, dia satu era kemasyhuran batik di Kelantan. Saya masa tu saya pun – *ter* [tidak sengaja] la orang kata ya, berminat buat kerja batik, lepas *pada* [daripada] kita *habis* [tamat] sekolah. Masa tu lebih kurang dah setahun saya menjadi pekerja di bengkel batik yang *sohor* [terkenal] tu di Pintu Geng. Lepas pada tu saya ada dengar ada satu jawatan kosong di muzium. Jadi saya berminat memohon sebagai penjawat awam. Jadi masa temuduga itu mungkin rezeki saya, saya pun dapat bekerja ataupun dapat berkhidmat di organisasi di muzium ini. Itulah kalau mengikut sejarah macam mana saya boleh terlibat dengan muzium ni.

**AF** : Seterusnya, siapakah idola Encik?

**ESI** : Idola? Idola – maksud Farhana tu macam mana?

**AF** : **Idola dalam bidang Encik.**

**ESI** : Idola saya ni mungkin mantan-mantan pengarah muzium-muzium yang pernah

berkhidmat di muzium. Sebab kita di muzium ini kita – macam ni la, pengarah yang datang di muzium ni dia tak lama. Dia sebagai *transfer* [pertukaran] – sebab kita dimuzium ni kita adalah satu organisasi ataupun satu badan berkanun, yang mana setiap pengarah yang datang ke muzium ini dia adalah sebagai satu pinjaman daripada SUK ataupun daripada Suruhanjaya Kelantan. Jadi berbagai-bagai pengarah, kalaú tak silap saya dah lebih dari sepuluh orang dah yang pengarah-pengarah yang datang ke muzium ni. Jadi mungkin berbagai-bagai pengarah tu saya rasa – ada satulah idola saya, pengarah muzium, yang berusaha Dr. Nik Azlan. Itu adalah satu idola saya. Sebab bagi saya, kita nak kata *perfect* [sempurna] ni 100 peratus ni *takde* [tiada]. Tapi bagi saya dia adalah idola saya.

**AF : Sebab Encik jadikan beliau sebagai idola?**

**ESI :** Sebab banyak dia punya kata-kata dia banyak nasihat dari segi kerja. Dari segi kerja tu dia memang *advance* [maju], lepas tu dia punya *style* [gaya] pun saya rasa terhebat lah dalam banyak-banyak pengarah ni, bagi saya dia adalah terhebat.

### **BAHAGIAN 3 TAMAT**

#### **BAHAGIAN 4: SEJARAH BANGUNAN**

**AF : Seterusnya soalan mengenai sejarah bangunan. Apakah nama asal bagi muzium ini?**

**ESI :** Muzium ni dia dibina pada tahun 1939. Masa tu dia dikenali dengan nama Istana Batu. Sebab-sebab dia dipanggil Istana Batu ni macam ni, sebab sejarah kita pada masa dahulu, pada tahun 1840, kita ada satu istana. Kalau kita tengok dekat menara tinjau tu, dia ada satu istana dia panggil Istana Kota Saba. Istana Kota Saba ni dia adalah ibu kepada pusat pentadbiran kepada negeri Kelantan. Tapi disebabkan dia tu duduk di tepi sungai, bila berlaku banjir, musim tengkujuh iaitu pada bulan sebelas [November] dan bulan dua belas [Disember], istana ni terhakis dan pada tahun 1840 dia telah roboh ataupun runtuh ke dalam sungai, bermakna telah musnahlah. Jadi pada tahun 1840 iaitu pada masa pemerintahan Sultan Muhammad II, Sultan Muhammad telah mengarahkan agar dibuat satu kota yang baru. Kota yang baru itu kalau kita tengok ialah Istana Balai Besar, yang dalam pagar tu, itu adalah Istana Balai Besar. Bila dibuat Istana Balai Besar pada tahun 1840, dah siap dibina pada tahun 1844. Jadi mengambil sepenuh kota yang baru dibina, maka berpindahlah pusat pemerintahan kerajaan Kelantan daripada Kota Saba kepada kota yang baru dibina. Dan pada tahun 1844, pusat pemerintahan Kelantan telah dikenali dengan nama Kota Bharu menggantikan Kota Saba yang runtuh atau pun telah musnah di tepi sungai. Lepas pada tu tahun 1887 dibinalah Istana Jahar. Istana Jahar pun dibuat daripada kayu. Istana Balai Besar dibuat daripada kayu Istana Jahar pun dibina daripada struktur kayu. Dibina pada tahun 1889, dikenal dengan nama Istana Jahar. Lepas tu dibuat Istana Batu. Istana Batu ini dibuat daripada struktur binaan daripada batu, lantai dia daripada kayu, gabungan Barat

dan Timur. Lepas tu bahagian bumbung tu dia panggil perabu sultan lima. Perabu lima adalah mencerminkan binaan rumah tradisional orang-orang Melayu Kelantan. Jadi untuk membezakan – biasa la penduduk di sekitar ni, *kalu* [kalau] kita tanya *gak* [juga], *kalu* [kalau] *ore* [orang] *tanyo* [tanya] *kei* [kan], “*Nok gi mano tu?*” [Hendak ke mana tu?] “*Nok gi Istana Batu.*” [Mahu pergi ke Istana Batu]. Sebab *apo* [apa], istana ni *jah* [sahaja] Istana Batu, *duo-duo* [dua-dua] tu adalah istana diperbuat daripada kayu. Jadi tulah dipanggil, Istana Batu. Jadi *ore* [orang] *tempate* [tempatan], orang-orang setempat lah. Jadi, kalau ditanya *gak* [juga], “*Nok gi mano tu?*” [Hendak ke mana tu?] “*Nok gi ke istana.*” [Hendak ke istana.] “*Istana mano [mana]?*” “*Istana Batu.*” Istana Batu istana nilah. Jadi maka dikenali dengan nama *bangunei* [bangunan] ni Istana Batu.

**AF : Jadi yang memberikan gelaran Istana Batu tu penduduk tempatan?**

ESI : Haa ya, penduduk tempatan.

**AF : Jadi nama asal istana?**

ESI : Nama asal dia dipanggil istana lah ni. Istana Batu ni dia dibina adalah sempena perkahwinan Sultan Yahya dengan Raja Perempuan Zainab II. Hadiah perkahwinan.

**AF : Jadi fungsi istana ni pada masa dulu?**

ESI : Pada masa itu fungsi dia adalah rumah dipanggil Istana Hinggap macam tulah. Bukan Istana Hinggap, Istana Kediaman. Dia dibina ni sempena perkahwinan Sultan Yahya dengan Raja Perempuan Zainab II, yang memberi hadiahnya

adalah Sultan Muhammad ke IV, iaitu Sultan Ismail ibni Almarhum Sultan Muhammad ke IV. Dialah yang menghadiahkan istana ni dan reka bentuk istana ni adalah daripada ilham baginda sendiri. Kalau kita nak kenal Sultan Ismail, kita boleh tengok dekat depan tu dia punya salasilah dia, kita ada gambar dia. Boleh tengok siapa dia Sultan Ismail. Jadi yang mengilhamkan rekaan Istana Batu ni adalah Sultan Ismail ibni Almarhum Sultan Muhammad ke IV.

**AF** : Adakah istana ini pernah berpindah lokasi ataupun tempat asal memang disini?

**ESI** : *Takda* [tiada]. Memang disinilah binaan dia. *Takde* [tiada] pindah manamalah.

**AF** : Bilakah tarikh perletakan batu asas istana?

**ESI** : *Hok* [yang] tu saya tak --- *hok* [yang] tu kita *loose* [longgar] dari segi --- masa tu sebab dia *duk* [duduk] lame dah, tahun 1939, sebab masa tu kita tak *advance* [maju] lagi benda ni la. Setiap satu-satu benda ni kita *tak ada* [tiada] rekod ataupun tidak ada dokumentasi masa tu. Sebab muzium pun tak wujud lagi masa tu. Kadang-kadang ni kalau kita tengok rekod *payoh* [susah] *mace* [macam] Istana Jahar *takdok* [tiada] rekod. Siapa dia buat tu ada, kos dia berapa tu kita tak tahu. *Memey* [memang] *kito* [kita] pun *memey* [memang] orang kata *tokleh* [tidak boleh] *nok* [nak] *oyak* [beritahu] secara *detail* [terperinci].

**AF** : Jadi siapa yang menyempurnakan perletakan batu asas pun Encik tak tahu?

**ESI** : Kita tak tahu. Sebab kalau kita tahu tu memang kita akan ada masuk *dale*

[dalam] sejarah ringkas muzium ni.

**AF : Siapakah penghuni pertama di istana ini?**

**ESI :** Sebagaimana yang telah saya katakan tadi, penghuni ataupun tuan punya, istana ni adalah Sultan Yahya Petra. Sebab istana ni dibina pun sebagai perkahwinan dia dengan Raja Perempuan Zainab II. Kenal Sultan Yahya? Sultan Yahya ni dia pernah jadi Yang di-Pertuan Agong Malaysia. Boleh tengok la Agong ke berapa, Agong ke enam ke berapa, boleh tengoklah.

**AF : Kemudian, siapakah yang merasmikan pertukaran istana menjadi muzium?**

**ESI :** Muzium ni telah dirasmikan sebagai Muzium Diraja ni oleh kebawah duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail Petra iaitu anak kepada Sultan Yahya Petra. *Dia* [Muzium ini] telah dirasmikan pada 25 Julai 1991.

**AF : Berapakah kos penubuhan untuk menjadikan istana kepada muzium?**

**ESI :** Kosnya – saya *taktau* [tidak tahu] tidak pasti kos dia berapa.

**AF : Anggaran pun Encik tak tahu?**

**ESI :** Anggaran pun secara tepat saya *taktau* [ketawa].

**AF : Objektif awal menjadi muzium?**

**ESI :** Dia punya objektif Muzium Diraja ni ditubuhkan untuk merapatkan antara rakyat dengan raja ataupun dengan sultan yang mana kita memperkenalkan segala kegiatan sistem kekeluargaan ataupun kehidupan sultan yang ada sekarang.

inilah. Yang mana bila rakyat ataupun bila pelawat datang ke muzium ni, dia boleh tengoklah, “Oo macam ni bilik Sultan Yahya”. Jadi maknanya untuk merapatkan ataupun untuk memberi rakyat mengenali secara lebih dekat lagi sistem diraja yang ada di negeri Kelantan ini.

**AF : Kemudian adakah misi dan visi oleh muzium?**

ESI : Ada. Misi muzium ni adalah sebagai institusi permuziuman yang lebih berdaya saing, misi kita. Berdaya saing diperingkat negeri di Malaysia. Manakala visi kita memberi lebih aktiviti yang kita akan jalankan di muzium ini dengan lebih berkualiti dan lebih berkesan.

**AF : Apakah kawasan sebenar disini sebelum istana dibina ataupun sebelum muzium ditubuhkan?**

ESI : Setahu saya la, kita dengar daripada cakap-cakap orang lain, dahulunya dia *mace* [macam] satu lembah, sebab kalau banjir sini *memey* [memang] ada air. Jadi mungkin sini adalah tanah paya dulu. Mungkin disini – nak kata hutan tu tak hutan, cuma dikelilingi oleh semak samun, macam tu. Jadi macam itu la saya rasa, sebab kita nak bagi pun masa tu kita dengar-dengar cerita pun orang cakap macam itu.

#### **BAHAGIAN 4 TAMAT**

## **BAHAGIAN 5: MAKLUMAT LAIN MENGENAI BANGUNAN**

**AF** : Seterusnya saya ingin bertanya mengenai soalan lain tentang maklumat lain mengenai bangunan muzium diraja. Berapakah bilangan tingkat di muzium ini?

**ESI** : Satu tingkat *je* [sahaja], bangunan dia macam tu *je* [sahaja].

**AF** : Berapakah keluasan dalaman muzium ini?

**ESI** : Keluasan dia 19.6 kali 10.39 meter, keluasan bangunan ini.

**AF** : Berapakah bilangan ruangan solat, jika ada di muzium ini?

**ESI** : Ruangan solat kita *takde* [tiada] sebabnya sini bilik-bilik. Tapi kita tak buat ruangan solat sebabnya kita dekat dengan masjid. Jadi kalau ada nak solat – sebab dekat, belakang tu sahaja masjid. Jadi kita *takdelah* [tiada] ruangan solat dekat sini.

**AF** : Berapakah bilangan bilik yang terdapat di muzium ini?

**ESI** : Okay [baik], bilik dia saya *bilang* [kira]. Kita ada Bilik Kemahkotaan, ada satu dia panggil Bilik *Musing* [Pusing], sebab dia ni nak masuk bilik tu dia lalu satu pintu tu berpusing, kita panggil Bilik Pusing. Okay [baik], dua. Kita pergi depan sikit kita ada bilik ataupun Ruangan Santapan, Ruangan Santapan tu rasa tak masuk bilik la, ruangan. Satu lagi Bilik Biru, Bilik Biru ni adalah bilik kepunyaan yang pernah didiami oleh Sultan Ismail Petra. Satu lagi Bilik Kuning. Bilik Kuning ni bilik kepada Tengku Salwani dengan Tengku Rozam, anak kepada Sultan Yahya Petra. Sebelah Bilik Kuning tu kita ada satu bilik

iaitu kita panggil Bilik Peach. Bilik Peach ini adalah bilik kepada Sultan Yahya Petra. Di hujung pula kita ada satu bilik lagi, bilik tu kita panggil Bilik Sultan Ismail ibni Almarhum Sultan Muhammad ke IV. *Last [akhir]* sekali kita ada Bilik Cenderamata, bilik tu adalah bilik dapur tapi kita buat sebagai Bilik Cenderamata. Jadi ada berapa bilik semua, lapan bilik.

**AF** : Boleh Encik jelaskan lebih spesifik tentang setiap satu fungsi ataupun kegunaan bilik-bilik ni?

**ESI** : Okay [baik], Bilik Kemahkotaan ini kita mempamerkan peralatan yang pernah digunakan semasa istiadat kemahkotaan, contohnya baju kemahkotaan, buku yang pernah digunakan semasa hari kemahkotaan. Dulu kita ada mahkota, tetapi replika, menyerupai yang asal. Mahkota, lembing, lembing tu dia panggil lembing istiadat. Satu lagi Bilik Pusing. Bilik Pusing ni kita pamerkan pedang ataupun pingat kepunyaan Almarhum Sultan Yahya Petra. Okay kita beralih kepada Bilik Biru ya. Bilik Biru ini pernah didiami oleh ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail Petra. Dia pernah duduk di istana ini pada tahun 1969 masa tu. Okay kita berbalik pada bilik sebelah tu Bilik Kuning. Bilik Kuning ini adalah bilik kepada Tengku Salwani dan kakaknya Tengku Rozam. Bilik tu dia mempamerkan artifak ataupun barang-barang kepunyaan – koleksi peribadi kepada Tengku Salwani ibni Almarhum Sultan Yahya Petra. Kita beralih kepada Bilik Peach. Bilik Peach tu adalah bilik Sultan Yahya Petra. Disitu kita mempamerkan koleksi kepunyaan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Yahya Petra semasa baginda menjadi Yang Di Pertuan Agong Malaysia. Jadi kita boleh tengoklah situ koleksi peribadi dia dengan buku passport [ ] dia, dengan gambar-gambar lama dia, baju-baju ataupun perabot – tongkat – kita

boleh tengok situ. Okay di hujung tu kita ada Bilik Sultan Ismail. Bilik Sultan Ismail ini kita mempamerkan dia punya koleksi kepunyaan Sultan Ismail ibni Almarhum Sultan Muhammad ke IV. Dan bilik itu juga adalah merupakan satu bilik yang dia dulu ada satu balai, dia panggil Balai Tarik. Balai itu boleh bersambung dengan Istana Jahar. Bermakna istana ini masa tu dia boleh, *ore* [orang] *Kelate* [Kelantan] kata dia boleh *gi* [pergi] mari atau ada satu laluan untuk menghubungkan antara Istana Jahar dengan Istana Batu ni. Kalau kita *gak* [kan], Balai Tarik tu saya tak boleh nak gambarkan macam mana, mungkin satu lorong ke yang dibuat cantik. Balai Tarik ni laluan yang boleh menghubungkan Istana Jahar. *Last* [akhir] sekali Ruangan Dapur. Bilik Dapur ni sekarang kita telah jadikan dia sebagai ruang yang mempamerkan cenderamata. Yang mana kita boleh tengok, bermacam-macam cenderamata yang pernah dipersembahkan oleh rakyat-rakyat jelata kepada sultan yang memerintah pada masa itu.

**AF** : Tadi Encik ada beritahu tentang bilik Sultan Ismail Petra yang Bilik Biru tu. Apa beza dengan bilik yang dekat Balai Tarik tu?

**ESI** : ‘Bilik Biru ni Sultan Ismail Petra, bilik yang Balai Tarik tu Sultan Ismail ibni Almarhum Sultan Muhammad ke IV. Dia beza. Sultan Ismail ni dia tahun 1920 hingga 1939, era pemerintahan dia. Sultan Ismail ni 1979 hingga 2008, era pemerintahan dia.

**AF** : Adakah koleksi yang dipamerkan yang dipamerkan di bilik ni koleksi yang asal ataupun yang untuk pameran?

**ESI** : Dia bukan asal, kita buat macam ni. *Mace* [macam] kita nak isi satu slot – *okay* [baik] bilik ni, bilik yang pernah digunakan oleh sultan-sultan yang pernah

tinggal di istana. Macam Bilik Biru ni, kalau kita tengok katil tu, yang ada sekarang ni, memang pernah digunakan --- yang asal. Sama jugak dengan Bilik Kuning tu. Bilik Kuning tu segala katil, perabot tu memang asal. Cuma adalah sikit-sikit tambahan tu memang tak asal, itu sebagai tambahan sahaja. Contohnya *mace* [macam] alat-alat dipanggil alat-alat [ ] kahwin tu *buke* [bukan] lah. Tapi kalau nak *hak* [yang] asal *gak* [juga] yang inilah, Bilik Sultan Ismail ni, *memey* [memang] dia asal. Memang kita tak tukar benda ni. Habis tu Sultan Yahya dengan Sultan Ismail ibni Almarhum Sultan Muhammad ke IV tu kita *just* [cuma] mengisi satu slot. Kita ada koleksi dia tapi kita buat satu bilik dia. Ni adalah satu bilik Sultan Yahya, *okay* [baik] kita buat macam itulah. Yang dekat hujung tu dekat Bilik Balai Tarik tu kita buat Sultan Ismail ibni Almarhum Sultan Muhammad ke IV. Kita ada koleksi dia, kita letak dekat situ.

**AF : Jadi koleksi tu mengikut kepunyaan siapa?**

**ESI : Mengikut era ataupun mengikut tuan punya.**

**AF : Adakah Encik tahu kos pembayaran elektrik dan air di muzium ini setiap bulan?**

**ESI : Tu saya tak pasti. *Hok* [yang] tu kena tanya bahagian pengurusan. Kalau nak saya boleh tanya.**

**AF : Ataupun adakah terdapat kos-kos lain tentang muzium yang Encik tau?  
(Seperti) Kos pembaikan atau kos penyelenggaraan.**

**ESI : Saya kalau nak *oyak* [beritahu] kos ni payah sikit. Kalau sejarah kan saya boleh *oyak* [beritahu] [ketawa]. Sebab itu dipanggil luar bidang saya.**

**AF** : *Okay [baik] takpe [tak apa]. Siapakah pengurusan tertinggi di muzium ini?*

**ESI** : Pengurusan tertinggi pengarah muzium.

**AF** : **Pengarah muzium Kelantan?**

**ESI** : Buat masa ni pengarah kita Tuan Haji Roslan Bin Hassan.

**AF** : **Kalau di muzium ini saja siapa yang menjadi ketua?**

**ESI** : Di muzium ni? Kalau di Muzium Istana Batu ni, saya lah selaku penyelia muzium.

**AF** : **Berapa ramai pekerja yang bertugas mengendalikan muzium?**

**ESI** : Kita ada staf kita sini kita ada empat. Satu penyelia, dua pengawal muzium, satu tukang kebun. Empat semua.

**AF** : **Boleh Encik jelaskan setiap tugas yang dijalankan oleh setiap pekerja di muzium ni.**

**ESI** : *Okay [baik]. Macam saya ni saya ditugaskan sebagai penyelia muzium. Tugas penyelia muzium ini memastikan segala keperluan ataupun segala hal yang berkaitan dengan Istana Batu ini berada dalam keadaan baik, sempurna dan memuaskan sebelum dibuka pada pelawat. Contohnya misal kata kita memastikan tiada kebersihan, kalau ada benda-benda ni tak bersih, jadi kita terpaksa tulah. Tu satu, lepastu kita memastikan setiap artifak yang dipamerkan dijaga dengan elok. Lepas tu berbalik pada penjaga muzium. Dia penjaga muzium ni tugas-tugas dia mencuci, kalau ade habuk apa itu tugas-tugas dia.*

Contohnya mengemop dan juga memberi penerangan kepada pelawat jika pelawat mahu satu-satu penerangan pada artifak yang kita pamerkan. *Last [akhir]* sekali tu tukang kebun tu biasalah, membersihkan kawasan jagaan muzium ni atau taman tu berada dalam keadaan yang elok.

- AF : Seterusnya berapakah anggaran pembayaran gaji yang dibuat oleh pihak muzium kepada setiap petugas di muzium ni?
- ESI : Gaji la ni? Gaji ni sebanyak [ ] [ketawa]. Gaji tu mungkin la dalam – contohnya kalau *mace* [macam] pegawai ni *dio* [dia] mahal la sikit *dak* [kan] sebab dia lama dah *dak* [kan]. Mungkin penjaga muzium ni mungkin *dale* [dalam] dekat dengan RM2000. – Mungkin *dale* [dalam] RM9000 kos petugas ni, keseluruhan gaji.
- AF : Bagaimakah jadual petugas di muzium ini pada setiap hari?
- ESI : Maksud dia, tugas dia? Maksud cik Farhana macam mana tu?
- AF : Kan tadi ada dua petugas muzium kan? Dia bekerja shif ke atau pun daripada pukul lapan hingga lima petang?
- ESI : *Takde* [tiada], kita *start* [mula] dari pukul lapan hingga pukul lima. Cuma ada satu – oh saya terlupa, pengawal keselamatan. Pengawal keselamatan ni dibawah staf muzium. Jadi begini, antara pukul lapan hingga pukul lima tu, diawasi ataupun diselia oleh penjaga muzium dan saya. Mulai dari pukul lima hingga pukul lapan pagi tu diselia oleh pengawal keselamatan.
- AF : Pada waktu malam?

ESI : Pada waktu malam.

AF : **Pada waktu siang?**

ESI : Waktu siang oleh penjaga muzium dan saya penyelia muzium, tapi lebih kepada penjaga muzium la. Dia mesti adalah antara pukul lapan hingga pukul lima tu dia mesti ada sini.

AF : **Jadi pada waktu siang, empat orang petugas di muzium dan pada waktu malam seorang saja. Adakah terdapat perkhidmatan lain terdapat di muzium ini, selain daripada menjadi pusat bersejarah?**

ESI : *Takde* [tiada]. Maksudnya perkhidmatan macam mana tu?

AF : **Maksudnya pengunjung hanya boleh melawat saja dan sekiranya mereka hendak mendapatkan penerangan, itu sahaja?**

ESI : Dipanggil lawatan berpandu. *Okay* [baik], kita ada menyediakan macam ni, contohnya kalau ada lawatan sekolah la *kalu* [kalau] dia nak kita bagi penerangan, kita boleh bagi. Sama juga dengan misal kata kalau lawatan rasmi, kita lebih kepada lawatan berpandu. *Hok* [yang] tu saya yang bagi. Kalau pelawat biasa ni hanya penjaga muzium yang *bagi* [memberi] penerangan.

AF : **Apakah kemudahan yang disediakan di muzium ini?**

ESI : Kemudahan kita bagi, macam saya cakap tadi, memberi penerangan kepada pelawat, lebih kepada lawatan berpandu.. Contohnya macam VIP [tetamu kehormat], orang-orang pelajar sekolah, *student* [pelajar] macam awak ni nak buat temuramah ni, kita boleh bagi.

**AF** : Kalau daripada segi fasiliti muzium ni? Macam bilik mesyuarat ke?

**ESI** : Bilik mesyuarat kita *takde* (tiada).

**AF** : Ni sebab *takde* (tiada) pertambahan bilik.

**ESI** : Kita *takde* (tiada) tambah bilik.

**AF** : Pernahkah muzium ni mengalami kerosakan?

**ESI** : Biasalah. Kerosakan tu bila dah jadi bangunan lama tu dia tak boleh lari. Pertama sekali anai-anai, lepastu satu lagi dia mesti berlaku kebocoran. Ni tak boleh lari. Kalau benda lama, bocor, anai-anai, kayu reput. Ha tu *memey* [memang] mesti ada. Kalau kita tengok kita di muzium ni pernah tak kita buat konservasi, contohnya dinding tu dia lama dia retak. Kalau boleh tengok, saya boleh tunjuk kalau dekat luar tu kesan-kesan rekahan pada dinding disebabkan mungkin struktur tanah ni dah lama kan dia mendap ke entah macam mana. Lepas tu muzium ni dia biasa kalau banjir sering ada air. Itu menggalakkan anai-anai. Lepas tu bumbung-bumbung pun bila selalu kena hujan dia mereput.

**AF** : Pernah tak muzium ni dia mengalami kerosakan berpunca daripada bencana alam?

**ESI** : Setakat banjir tu, yang paling besar 2014. Tapi *takdelah* [tiadalah] sampai memberi kerosakan yang ketara lah. *Takdelah* [tiadalah].

**AF** : Seperti yang encik cakap tadi kalau kerόsakan seperti kebocoran dan anai-

**anai tu bagaimana pihak muzium mengatasi masalah tu?**

ESI : Okay [baik] kita akan lantik satu konsultan. Contohnya, kita kena pastikan benda ni ada kerosakan dari segi anai-anai. Jadi kita akan lantik satu konsultan untuk membasmikan benda-benda ni daripada merebak lah. Satu. Satu lagi jika kita tengok ada kayu-kayu yang mereput, bumbung-bumbung ataupun berlaku rekahan di dinding ke kita akan laporkan kepada Jabatan Warisan Negara. Jadi kita akan mintak peruntukan daripada sana. Ataupun kita *venture* [bekerjasama] dengan kerajaan negeri untuk menyelesaikan masalah ini. Contohnya, JKR [Jabatan Kerja Raya] Kelantan. Kalau ada berlaku kerosakan, dia akan menyelia, macam mana nak buat, macam mana nak cari kewangan nak baik pulih benda ni.

**AF : Apakah kerosakan paling besar pernah berlaku di muzium ni?**

ESI : Setakat saya ni, kerosakan paling besar berlaku ni rekahan. Rekahan pada dinding. Di luar sana kan, di dalam bangunan dia duduk di luar dekat meja, dia panggil ruangan santapan diraja. Itu ketara sangatlah. Jadi kita telah mengambil inisiatif untuk mengatasi masalah ini.

**AF : Cik tahu apa punca rekahan tu berlaku?**

ESI : Dia mungkin sebab biasa berlaku banjir kan. Mungkin struktur tanah tu dia mendap sedikit. Lepas tu bangunan pun dah lama, jadi bila berlaku mendapan tu dia akan automatik dia akan berlaku satu rekahan. Sama juga anai-anai. Bila benda ni selalu lembap, dia akan menggalakkan anai-anai untuk membuat sarang.

**AF** : Jadi kerosakan tu sudah dibaik pulih ataupun masih ada?

**ESI** : Ya, sudah dibaik pulih. Nak tahu kos dia tak? Kita pernah buat satu basmi anai-anai dengan satu syarikat dia panggil, tak silap MARDY CARE kalau saya ingat macam tu. Kos untuk membasmikan anai-anai ni lebih kurang dalam lima belas ribu. Satu jumlah yang besar juga. Lepas tu bumbung tu kita telah memohon daripada Jabatan Warisan dan kita telah pun baiki. Kos anggaran lebih kurang dalam lapan belas ribu. Untuk kerosakan yang untuk membaiki bumbung.

**AF** : **Masalah lain yang masih ada di muzium dari dulu sampai sekarang?**

**ESI** : Masalah? Kebocoran. Walaupun kita telah membaiki ataupun telah membuat pemantauan, tapi dia bangunan lama ni dia tak boleh lari. Walaupun kita baiki, dia akan berlaku di tempat lain pulak. Jadi benda ni berterusan. Baiki ni *alik* [sebelah] ni elok, di sana pulak tak elok. Sama juga macam muzium-muzium lain, Istana Jahar pun macam itu juga. Kalau dah panggil bangunan lama tu, ibarat *mace* [macam] kereta la, kita baiki ni, *alik* [sebelah] tu pulak kena baiki. Dia selalu benda lama mesti --- [ketawa] adalah rosak dia.

**AF** : **Encik ada langkah-langkah awal untuk menghalang kerosakan daripada berlaku?**

**ESI** : Langkah-langkah ni macam tugas kita di sini la. Bila ada berlaku – kita tengok ada , contoh, ada nampak anai-anai besar ataupun ada nampak lelehan air di bumbung, di dinding, maka kita sebagai penyelia ataupun staf di sini mesti buat laporan kepada muzium untuk mengelakkan benda ni akan berlaku lebih banyak kerosakan. Jadi, itulah tugas kita.

- AF : Berapakah tempoh masa yang diambil untuk membaiki sekiranya ada berlaku kerosakan?
- ESI : Kita letak atas kerosakan itu. Kalau sikit, sekejap. Kalau banyak tu, bila melibatkan kos yang besar tu, mungkin lama sikit. Mungkin dalam satu bulan, haa lebih kurang macam itulah.
- AF : Jadi semasa proses baik pulih tu, muzium akan ditutup?
- ESI : Kita tutup *part-part* [bahagian-bahagian] saja. Misal kata kalau jadi kita tak tutup terus. Contohnya, kalau ruangan hadapan, kita tutup situ saja. Tapi tempat lain boleh dilawati. Kita nak mengelakkan daripada pelawat kecewa. Datang nak tengok sini tapi tutup. Jadi, kita tak mahulah, walaupun benda ni tidak sempurna, tapi kita bagi.
- AF : Daripada segi pengunjung, berapakah jumlah harga tiket yang perlu dibayar untuk muzium ini?
- ESI : Kita ada dua kategori, *local* [tempatan] dengan ---. Kalau orang tempatan ni, dua ringgit *jah* [sahaja], tiket kita. Kalau untuk pelawat asing ni, kita empat ringgit. Dewasa dua ringgit bagi pelancong tempatan. Kanak-kanak, satu ringgit. Kalau pelancong asing, empat ringgit dewasa, dua ringgit untuk kanak-kanak.

**AF** : Selain daripada beli tiket di muzium - ada ke cara lain untuk membeli tiket? Secara atas talian atau pun--

**ESI** : *Takde* (tiada), kita hanya nak melawat beli sini *jah* [sahaja].

**AF** : Berapakah jumlah pengunjung yang boleh dimuatkan dalam muzium ini pada satu satut masa?

**ESI** : Mungkin dalam lapan puluh, kalau 100 ini memang *crowded* [penuh] sangat.

**AF** : Encik ada *tak* [tidak] statistik pengunjung dalam masa setahun yang melawat muzium?

**ESI** : Statistik *hok tu* [yang itu] bahagian pengurusan sebab bila pengunjung ni berdasarkan kutipan tiket harian. Tapi kalau purata pelawat yang berkunjung ke muzium ni, biasa kalau hari cuti memang ramai. Tapi kalau hari biasa ni Cik Farhana boleh tengok *macam* [seperti] mana. Rasa harini *takde* [tiada]. Dia *macam tu* [seperti itu] lah, kalau biasa bezanya dia *tak macam* [tidak seperti] muzium di sebelah luar ya. Sebelah luar ini. Setengah nak tengok potret Monaliza kena beratur panjang. Kesedaran untuk tengok muzium ini bagi masyarakat kita ini memang rendah lagi.

**AF** : Setiap hari anggaran pengunjung yang datang?

**ESI** : Saya bagi purata. Purata pengunjung ke Muzium Istana Batu ini lebih kurang dalam dua puluh.

**AF** : Kalau masa hari cuti?

**ESI** : Cuti itu banyak dalam dua tiga ratus pengunjung sehari. Selalu - contoh budak

sekolah. Kita lebih kepada budak sekolah. Budak sekolah dengan daripada pelancong daripada siam biasa berminat dengan muzium ini.

**AF** : [Bunyi pen] **Jumlah pelawat yang paling ramai pernah diterima oleh muzium?**

**ESI** : Pelawat paling ramai – jumlah pelawat ke ataupun pelawat paling ramai?

**AF** : **Macam dalam rombongan ke?**

**ESI** : Ya, betul. Pelawat yang paling ramai sekali daripada rombongan sekolah.

**AF** : **Berapa jumlah?**

**ESI** : Empat puluh, kalau dua lapan puluh. Dia lebih kurang *macam tulah* [begitu lah]. Kalau nak tau lawatan sekolah memang ramai, *kena* [perlu] tengok pesta buku di Muzium. Di Bangunan Jubli Perak ramai lah orang *mari* [berkunjung] di Muzim. [Ketawa]

**AF** : **Kemudian pernah tak [tidak] Muzium ini dipecah masuk dan berlaku kecurian oleh orang yang tak [tidak] bertanggungjawab?**

**ESI** : Nak kata ada – [ketawa kecil]. Ada satu kali *jah* [sahajá]. Tapi dia ambil *tv* [televisyen] *jah* [sahaja] Haaa nasib baik *tak* [tidak] ambil gading gajah [Ketawa]. Dia mungkin orang kata - - orang pencuri ataupun orang yang *tak* [tidak] bertanggungjawab ni dia tidak tahu benda yg bernilai. Mungkin bagi dia *tv* [televisyen] tu lagi bernilai bagi dia. Tapi, saya harap itu adalah kali terakhir benda tu jadi disini. *Takkan* [tidak akan] jadi dah. [Ketawa]

AF : Pernahkah berlaku kes seperti penggelapan wang ataupun pecah amanah oleh petugas Muzium?

ESI : *Takde [tiada] buat masa ni Alhamdulillah takde [tiada]. [Ketawa]*

**TAMAT BAHAGIAN 5**

## BAHAGIAN 6: REKA BENTUK BANGUNAN

**AF** : Seterusnya pernahkan Muzium ini berlaku pengubahsuaian ataupun penambahan pada ruang artifak ataupun penambahan koleksi itu sendiri?

**ESI** : Ada-ada. Pengubahsuaian – bangunan asal ini kalau kita tengok dulu *takde* [tiada] ruangan dapur. Tapi ruangan dapur itu ialah ruangan tambahan itu. Kalau kita tengok, dia adalah bukan struktur bangunan asal. Bangunan asal yang ini *jah* [sahaja]. *Lepastu* [Selepas itu] belakang dia ada satu *mace* [seperti] bilik belakang dia yang tu ada pun bukan asal. Jadi - kalau bukan bangunan asal ruangan dapur dan bilik belakang itu. Itu bukan binaan asal.

**AF** : Bilik belakang itu nama?

**ESI** : Dekat bilik cenderamata itu, adalah bukan bilik asal. Dia bilik tambahan, ruangan dapur.

**AF** : Kalau bilik ini Encik?

**ESI** : Yang ini asal, ini bilik--- Ini mungkin bilik berehat, saya *taktahu* [tidak tahu] bilik ni. Sebab itu bilik air [menundung jari ke arah bilik]. Kalau kata bilik termenung salah. [Ketawa kecil]

**AF** : Selain daripada pegawai keselamatan yang Encik sebutkan tadi, apakah ciri-ciri keselamatan yang lain yang digunakan dalam muzium ini?

**ESI** : Okay, ciri-ciri lain kita memasang *CCTV* [Close Circuit Television]. Di setiap sudut di dalam bangunan ini. Dalam bangunan dan di luar bangunan disamping pegawai keselamatan.

- AF : Siapa yang mengawasi *CCTV* [Close Circuit Television]?
- ESI : Itu adalah lebih kepada pegawai IT kita lah.
- AF : Seterusnya, soalan mengenai reka bentuk bangunan, reka bentuk muzium.  
**Adakah konsep asal muzium ini daripada istana telah diubahsuai?**
- ESI : Reka bentuk dia ini dibuat memang sebagai istana.
- AF : **Maksudnya selepas dijadikan muzium - ada perubahan atau sama sahaja dengan istana yang lama?**
- ESI : Reka bentuk sama. *Takde* [tidak ada] perubahan apa apa, kecuali ruangan dapur dengan bilik belakang itu.
- AF : Apakah rekaan muzium ini, asal reka bentuk itu idea daripada Sultan Ismail?
- ESI : Ya. Bangunan ini diilhamkan oleh Sultan Ismail anak kepada Sultan Muhammad ke IV. Dia reka bentuk ini, ia adalah satu gabungan antara Barat dan Melayu Kelantan. Contohnya kalau tengok ini lah, lantai ini. Lantai dia *ni* [ini] dibuat daripada kayu cengal. Jadi maknanya kalau sebut lantai ni, lantai ni bercirikan rumah Kelantan dak, rumah masyarakat Melayu lah. Okay bumbung dia bentuk perabu lima. Dia ada lima struktur macam tu lah. Bila sebut perabu lima ni, itu bercirikan reka bentuk rumah masyarakat Melayu Kelantan. Perabu lima, tiyey [tiang] dua belas memang rekaan rumah Melayu Kelantan.
- AF : Perabu lima itu rekaan yang di mana, dinding ke?

ESI : Di bumbung

AF : **Kalau daripada segi dalaman istana?**

ESI : Dalaman ni saya rasa dah lama macam ni mace [seperti] rumah batu, bercirikan barat. Sebab rumah ore ore [orang] Melayu ni dia lebih kepada kayu kan. Contoh Istana Jahar tu ha. Bila binaan batu ni maksudnya memang barat lah. Kalau kita nak oyak [cakap] gak. Bila binaan rumah daripada batu ni orang advance [*maju*]. Sebab sini binaan pertama yang diperbuat daripada batu la dak. Monumen la dipanggil mace [seperti] – Bank Kerapu. Bank kerapu itu lah hak yang dibuat daripada batu. Dia dibina pada tahun 1912. Hok tu lah yang daripada batu. Muzium ini dibina pada tahun 1939. Binaan pertama monument atau bangunan yang terdapat di Kelantan diperbuat daripada batu adalah Bank Kerapu pada sekitar tahun 1912.

AF : **Apakah ciri-ciri reka bentuk yang menjadi keistimewaan Istana Batu ni?**

ESI : Bagi saya, reka bentuk bangunan istimewa *takde* [tiada] apa lebih kepada sejarah la, sejarah dia, dia pernah diduduk oleh Sultan Yahya Petra dan juga pernah didiami oleh Putri Salwani, pernah didiami oleh KDYM Sultan Ismail Pertra dan juga pernah digunakan untuk majlis perkawinan kerabat Diraja pernah dibuat di sini dan bangunan ini juga pernah didiami oleh tetamu-tetamu terhormat dan *VIP* [Very Important Person] yang pernah datang ke negeri Kelantan. Bagi saya keistimewaan bangun ini, Tapi kalau keistimewaan sejarah tu ada.

AF : **Jenis keseluruhan bangunan muzium istana ini daripada batu ke ataupun**

**ada bahagian yang--**

- ESI : Keseluruhan bangunan ni kalau kita tengok bukan daripada batu sangat. Dia ada *part* [bahagian] batu-batu, bumbung tu daripada kayu, lantai pun daripada kayu, Cuma dia buat tinggi ni sebab kawasan ni banjir, *tu jah* [itu sahaja]. Tu kita kata gabungan antara – barat dan timur.

**TAMAT BAHAGIAN 6**

## BAHAGIAN 7: AKTIVITI DAN PERKHIDMATAN DI MUZIUM

AF : Okay [baik]. Habis soalan mengenai reka bentuk bangunan. Kemudian, soalan mengenai aktiviti dan perkhidmatan di muzium. Apakah aktiviti yang selalu diadakan di Muzium ini kalau ada?

ESI : Aktiviti muzium ini – kita lebih kepada pameran. Muzium ni *tak* [tidak] lebih daripada – konsep dia mengumpul, menyelidik, mempamer, membaikpulih *gitu* lah [seperti itu]. Okay, aktiviti *hak* [yang] kita biasa muzium buat ialah pameran sementara lah. Pihak kami buat ada contohnya, muzium ini pernah buat pameran sementara. Pameran sementara ini dia *tak* [tidak] lama, dia habis tinggi *gak* [pun] tiga bulan *biasa* [selalunya], paling cepat *sebule* [sebulan]. Contohnya, sebelum ini kita buat pameran terowong masa. Terowong masa pun kita *target* [sasarkan] dalam sebulan. *Lepastu* [Selepas itu] kita buat pameran bergerak. Contohnya, ke jajahan-jajahan ataupun ke negeri-negeri. Misal kata, kalau contohnya Muzium Negara ni nak buat pameran di Pahang ke Sabah ke nak buat pameran berkenaan permainan tradisional. Dia hello ke Muzium, kita *join* [menyertai] lah sekali. Tu dinamakan pameran bergerak. Pameran bergerak ini lama seminggu, ataupun dua tiga hari.

AF : Jadi siapa yang bertugas untuk menjalankan pameran-pameran?

ESI : Tugas pameran ini lebih kepada pegawai pameran: Kita ada pegawai pameran kita tu, jadi dia akan *handle* [*uruskan*] benda-benda macam ni. Contohnya, terdekat ini dalam bulan puasa ini, kita akan buat pameran tulisan khat. Itu memang dah macam rutin dah. Kita muzium kalau bulan puasa ni kita buat pameran khat dipanggil pameran bergerak.

**AF** : Ada tak [tidak] program atau pameran yang wajib dilakukan di muzium pada setiap tahun?

**ESI** : Memang ada. Muzium ni kita dah tetapkan dah jadual kita. Contohnya, macam kita nak buat pameran, pameran ni memang wajib kita kena buat. Contohnya Pameran Perdana, Pameran Hari Muzium *hok* [yang] tu memang wajib. Dia telah ditetapkan. Pameran Hari Muzium ni, bulan lima kita wajib buat. Tema dia tu adalah berdasar kepada Muzium Negara, apa tema dia bagi kita akan pamer. Dia *dah* [sudah] ada event bulanan dia. *Okay* [Baik], Pameran Perdana ni kita biasa buat dalam bulan dua belas. Itu jadi macam benda wajib, dipanggil Pameran Perdana. Kita telah buat Pameran Perdana satu, dua, tiga, dan yang keempat ni. Pameran pertama, Sultan Muhammad Al-Fateh, yang kedua Kegemilangan Rasulullah, *lepas* [selepas itu] Saintik Islam dan mungkin lah pameran keempat ni pameran Yajud Maujud. Saya pun tak [tidak] tahu macam Yajud Maujud nak pamer ni. Itu memang dah wajib setiap tengah tahun. Sebab ni kita telah terikat dengan kerajaan negeri nak taknak kena buat. Carilah bahan, mempamer, menyimpan, membaikpulih, memberi pengetahuan kepada pengunjung kita. Definisi muzium *macam ni* [seperti ini] muzium adalah satu institusi yang tidak mengharapkan keuntungan. Contoh, kalau kita buat pameran, *tak raja* [tidak pernah] untung kita, nak bayar bil api, nak bayar ke *overtime* [lebih masa] pun *tak lepas* [tidak mencukupi]. Tapi berperanan sebagai menyimpan mengumpul membaikpulih mempamer dan memberi pengetahuan kepada masyarakat secara tidak formal lah, *ore mari* [orang datang] ke muzium kan. Muzium adalah satu gedung ilmu, contohnya gedung ilmu dan penyebar ilmu pengetahuan kepada orang ramai yang tak [tidak] kira lah berbentuk apa-apa ke. Maknanya kita sentiasa

mengalu-alukan pengunjung datang ke muzium. Sebab itu kita kata muzium ni tidak mengharapkan keuntungan. Cumà nak suruh orang *mari jah* [datang sahaja] di muzium.

- AF : Seperti Encik *cakap* [beritahu] buat pameran di luar, apakah koleksi yang dibawa oleh Muzium Diraja Istana Batu?
- ESI : Pernah sekali kita buat pameran di Sabah, tentang keluarga Diraja, kita pernah bawalah *mace* [seperti] artifak yang kita bawak *mace* [seperti] gambar potret Sultan Ismail, masa tu kalau *tak* [tidak] silap saya tahun 2001 kita buat pameran di Sabah. *Hok* [yang] tu berkenaan dengan Muzium ini. Potret Sultan Ismail dan isterinya Tengku Anis. Lepastu kita ada juga bawak, replika singgah sana *lepastu* [selepas itu] kita bawak artifak sebagai supporting untuk menarik kepada pameran itu. Sebab *gini* [seperti ini], kalau kita buat pameran, contohnya kita buat pameran terowong masa, kucing *gapo dak* [apa-apa sahaja], pernah Muzium buat. Kalau kita *just* [cuma] itu gambar, gambar *okay ni* [baik ini] Bandar Kota Bahru tahun 1905, ni tahun 19 - - kita *tengok gitu dak* [kita melihat seperti itu bukan]. Tapi kalau kita *bubuh* [isi] atau pamer jugak artifak contohnya benda-benda lama, contohnya *mace* [macam] gala lembu, basikal lama, radio lama, benda ni akan jadi menarik. Sebab itu kalau kita buat pameran kita ada artifak. Artifak ini adalah sebagai supporting kepada pameran yang kita pamer. Contoh macam ni *dak* [kan], gambar jah *takde* [tiada] artifak – tak menarik. Kita buat pameran itu kena ada artifak contoh kita buat pameran keluarga Diraja di Sabah tu kita ada bawak *mace* [macam] *scroll* [skrol], kemahkotaan. Mahkota yang pernah digunakan oleh Sultan Ismail masa dia jadi Sultan Kelantan. Benda ni akan menarik minat *ore* [orang] untuk tengok.

- AF : Pernahkah Muzium menerima sebarang sumbangan wang sepanjang penubuhan?
- ESI : Ada. Sumbangan muzium ini kita boleh daripada dua, melalui kerajaan negeri, melalui Muzium Negara, satu lagi melalui Warisan Jabatan Warisan Negara. Kita tiga *tu je* [itu sahaja] lah kewangan kita.
- AF : Sumbangan wang paling banyak pernah diterima?
- ESI : Daripada Muzium Negara, muzium ni dibawah kerajaan negeri. Disamping itu kita ni diselenggara ataupun dipantau oleh Muzium Negara. Jabatan Warisan ni sebagai kalau kita ada *nak* [ingin] buat bengkel apa-apa dia salur, sumbangan dia. Jadi kalau kita nak berdiri di atas kaki sendiri itu, buat masa ini *meme takde* [ini memang tiada] modal, *takde* [tiada] kewangan. Kalau *nak* [ingin] bergantung kepada kerajaan negeri *meme* [memang] kita takboleh lagi lah. Nak bayar gaji pun *tak lepas* [tidak mencukupi]. [Batuk]
- AF : Daripada muzium sendiri, pernahkah menderma atau memberi sumbangan kepada pihak luar?
- ESI : Nak sumbang tu kita *tak* [tidak] sumbang, cuma ini kalau *personal* [peribadi] misal kata ada contohnya ada individu berminat *nak* [ingin] buat pameran, contohnya pelukis kita ada satu balai galeri seni lukis dekat Muzium Negeri itu. Contohnya *nak* [ingin] buat pameran solo, kita bagi sumbangan bukan *tak* [tidak] *bagi* [beri]. Kita *bagi* [beri] sumbangan contohndidi and friendsya untuk perasmian, untuk penutup pameran. *Tu je* [itu sahaja] yang kita *bagi* [beri]. Satu lagi kita pernah *join venture* [bekerja sama], kita *bagi* [beri] sumbangan kepada *collector* [pengumpul] barang-

barang purba. Dia *nak buat* [ingin melakukan] pameran keris di Kelantan ataupun di Istana, di Muzium Negeri. Kita *bagi* [beri] sumbangan berbentuk hadiah berbentuk perasmian, yang tu kita *support* [bantu]. Kalau bagi sumbangan duit itu *tak* [tidak] boleh. Kalau beri *support* [bantuan] untuk perasmian, untuk makan minum, untuk *event tu* [program itu] kita boleh. Tapi *nak bagi duit tu tak* [ingin beri duit itu] boleh.

**AF** : **Daripada segi kemudahan peralatan seperti—penyediaan tempat *event* [program]**

**ESI** : Itu boleh kita bagi secara percuma. Sebab bagi kita ini penting juga sebab orang berminat buat pameran di muzium. Contohnya dia ada *banyak* [pelbagai] keris, dia *nak* [ingin] buat pameran. Dia nak buat pertandingan keris. Kita *bagi* [beri] dia satu tempat, kita carilah di muzium mana, Muzium Negeri ke buat khemah. Kita *bagi* [beri] dia *nak* [ingin] bertanding keris ikut dia lah. Cuma kita *bagi* [beri] tempat *bagi* [beri] hadiah dan juga *bagi* [beri] untuk majlis penutup atau perasmian, yang *tu* [itu] kita tanggung. Kita bagi sumbangan muzium yang pernah muzium bagi kepada individu ataupun persatuan. Kalau memang nak bagi duit atau derma *tu tak* [itu tidak] boleh kita konsep akan lari, sebab kita bukan syarikat, kita badan berkanun.

**AF** : **Apakah sumbangan muzium ini kepada masyarakat dan negeri Kelantan?**

**ESI** : Muzium ini kita memberi pameran, memberi hiburan ataupun beri - pengetahuan secara tidak formal kepada - pengunjung kepada orang-orang yang berminat untuk datang muzium.

## TAMAT BAHAGIAN 7

## BAHAGIAN 8: MAKLUMAT PENGANUGERAHAN DAN KEJAYAAN

AF : Seterusnya, soalan mengenai maklumat penganugerahan dan kejayaan muzium. Bagaimana penerimaan masyarakat terhadap muzium?

ESI : Penerimaan masyarakat kepada muzium bagi saya masih rendah lagi. Sebabtu lah kita di muzium ini, kalau kita *nak buat* [ingin adakan] pameran berbentuk ilmiah, memang *takkan* [tidak akan] dapat sambutan. Itu sebab muzium ini dia berubah konsep. Disamping membuat pameran, kita juga membuat memeri satu hiburan. Contohnya, kita buat pameran Didi and Friends, bagi saya Didi and Friends pamer anak patung, pamer maskot, pamer lego. Bagi saya *takde* [tiada] impak, *takde* [tidak ada] bagi kesan. Tapi *takpe* lah [tidak mengapa], bila buat pameran begitu akan tarik budak-budak untuk datang, *bila anak mari, pok akan mari* [apabila anak datang, mak ayah akan datang]. Tu salah satu kita *nak* [ingin] tarik *ore mari di* [orang datang ke] muzium. *Serupo jugok* [sama juga] kita buat pameran ular. Pameran reptilia berbisa. Apa kaitan muzium buat pameran ular nya. Menarik minat orang untuk datang ke muzium. Kadang-kadang kita tanya pelawat lah, “*Berapa kali dah mari muzium?*” [Berapa kali dah datang muzium?] “*eh ni ambo ni, ni baru mari muzium*” [eh, saya baru sekali ini datang ke muzium]. Bermakna kita telah berjaya menarik orang yang *tak* [tidak] pernah datang muzium ini datang ke muzium. Itulah kita punya strategi kita. Sebab kita, kesedaran muzium ini, *ore* [orang] kita ini rendah lagi. Contoh dia, *ore kelate* [orang Kelantan] lah kalau kita tanya dia *gi* [pergi] muzium. “*Sayo ni gi muzium banyok doh, tapi muzium kelate dok rajin mari lagi*” [Saya ini banyak dah pergi ke muzium, tapi Muzium Kelantan ini saya tidak pernah pergi lagi] maknanya *tak* [tidak] sampai lagi lah kita, maknanya kita buat pameran *tu tak* [itu tidak] sampai lagi dia nak mari. Maknanya

untuk buatkan dia mari ke muzium ni kita buat pameran bentuk hiburan lah. *Marilah penuh* [Datanglah ramai] orang kata muzium tu. [gelak kecil]. Kutipan tiket masa kita buat "Didi and Friends" kita telah mencapai satu kutipan yang paling tinggi. Lebih *kure dale* [kurang dalam] 300 ribu lebih dalam masa *sebule* [sebulan]. Maknanya hebat lah kita dengan kutipan jumlah tiket, dari jumlah pelawat yang datang ke muzium. Itulah matlamat kita untuk semua orang *mari* [datang] lah. Cuba buat pameran tokoh-tokoh Islam Kelantan, marilah dua tiga orang tengok tengok *tubik* [keluar] tengok *tubik* [keluar]. *Tak macam* [tidak seperti] sebelah luar lah. Sebelah luar *tu* [itu], kalau kita *tengok* [lihat] selipar Nabi, *tengok* [lihat] mumia firaun. Beratur *gini ha* [macam ni] [tangan depa] bukan boleh *tengok* [lihat] lama. *Tak dan* [Tidak sempat] sampai seminit kena *heret* [keluar] dah. Bayar mahal, *tu nak oyak nye* [itu yang ingin diberitahu] sebelah luar dan kita sini dia lain.

- AF : **Pernahkan muzium ini menerima sebarang anugerah atau pengintirafan?**
- ESI : Ada, kita masa buat pameran haritu kita mendapat tempat yang kedua *tak* [tidak] silap saya di negeri Selangor, pameran terbaik antara negeri.
- AF : **Pameran mengenai apa?**
- ESI : Mengenai permainan tradisional di masyarakat Kelantan.
- AF : **Pernahkan muzium ini mendapat liputan media masa?**
- ESI : Pernah. Sebab kita dengan media ni kita *tak* [tidak] boleh lari untuk menarik minat orang tengok muzium, kita kena ada kesinambungan antara muzium dengan media. Kalau kita buat pameran kita panggil lah dia punya *reporter* [wartawan] ke,

TV3 atau Astro ke untuk ni lah buat liputan sebab benda ni masuk tv, *dioresa* [mereka] akan tahu muzium Kelantan ada buat pameran ni, bila benda ni keluar daripada media ataupun *tv* [televisyen], akan menarik lebih ramai lagi orang datang ke muzium ini. Sebab itu kita pernah dengar muzium *tak* [tidak] dapat dipisahkan dengan media. Disamping itu juga, kita ada juga strategi kita juga melalui internet, Facebook, melalui *banner* [banting] itu adalah strategi pemasaran muzium.

**AF : Apakah liputan media masa yang pernah di lakukan di muzium ini?**

ESI : Contohnya, pameran Didi and Friends, pameran artifak Rasulullah, Sultan Mohamimad Al-Fateh pernah keluar tv, pernah diterbitkan di Malaysia Hari Ini.

**AF : Pameran Didi and Friends di buat di sini?**

ESI : Didi and Friends kita buat di Muzium Negeri. Kalau kita di Istana Batu ini pameran kita berbentuk *permanent* [kekal], kekal. Tapi di Muzium Negeri, ada berbentuk *permanent* [kekal], ada sementara. *Permanent* [kekal] di tingkat atas itu pameran *permanent* [kekal], dibawah yang sementara. Kita di muzium itu *kena* [perlu] ada pameran sementara, sebab itu kita buat di Muzium Negeri. Pameran sementara ni, kalau kita buat orang *tak jemu* [tidak bosan] lah, habis pameran ni, kita buat pameran lain pula, ia akan sentiasa ada pameran yang baru.

- AF : Jadi pameran ini takkan berulang?
- ESI : *Dak* [tidak]. Contoh nya selepas pameran kucing kita buat pameran terowong masa. *Pastu* [Selepas itu] kita ada buat pameran astronomi pameran yang berbentuk menarik untuk orang tengok.

**TAMAT BAHAGIAN 8**

## **BAHAGIAN 9: PESANAN DAN HARAPAN**

**AF** : Akhir sekali, pesanan dan harapan Encik terhadap muzium ini kepada masyarakat di Kota Bharu?

**ESI** : Okay [baik], pesanan. Saya amat mengalu-alukan kepada masyarakat ataupun kepada pengunjung agar lebih meminati muzium. Saya berharap macam, kalau tidak tengok atau menghargai apa yang kita ada ini, saya rasa amat-amat rugi lah. Sebab kita nak buat satu-satu pameran ini bukannya senang. Memerlukan kajian, memerlukan masa, jadi kalau kita tidak *mari* [datang] tengok apa yang kita pamer ini, bagi saya ia satu kerugian lah. Jadi saya mengalu-alukan datang lah untuk tengok muzium, apa yang kita pamerkan di muzium ini.

**AF** : Adakah Encik berharap muzium ini akan menjadi salah satu ikon dalam kalangan masyarakat?

**ESI** : Memang lah. Sebab itu adalah visi kita. Visi kita adalah muzium ini - dapat berdaya saing dengan muzium-muzium yang ada di seluruh Malaysia ini. Itu lah harapan saya. Sebab kalau tengok muzium lain *pun* [juga] hebat-hebat. Macam ini lah, saya ceritakan sikit penubuhan muzium ini. Muzium negeri Kelantan ini ditubuhkan pada 1 September 1979 mula-mula ditubuhkan. Masa itu pejabat muzium adalah di *SUK* [Setiausaha Kelantan] di *JKR* [Jabatan Kerja Raya] 10 dalam bangunan *SUK* itu lah. Di situ lah - asalnya muzium kita. *Lepastu* [Selepas itu] – *bila dah* [apabila sudah] lama sikit itu kita ada satu pengarah mula-mula muzium adalah Encik Wan Ali Wan Ahmad, pengarah muzium pertama la masa itu. Pekerja muzium masa tu, adalah dua tiga orang. Selepas pada tu, muzium kita berpindah ke Istana Jahar, tingkat bawah tu muzium, atas itu - dia panggil galeri

senjata, itu dulu itu dia adalah Balai Tarik. Dia adalah pejabat muzium bagi muzium Kelantan. Pada tahun 1990 lebihlah, pindah pulalah ke Muzium Negeri sampai *looni* [sekarang] pejabat Muzium duduk di Muzium Negeri. Masa tu Muzium Negeri adalah bangunan kepada Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB). Bangunan itu pernah terbakar, jadi pada 1997 lebih kurang macam itu, jadi - kita baiki semula dan dijadikan pejabat muzium sampai lah sekarang -- Jadi nak *oyaknya* [memberitahu] asal pejabat Muzium di bangunan SUK itu lah. Kita ditubuhkan pada 1 September 1979.

**AF : Apakah penambahbaikan yang Encik harap boleh dipertingkatkan di Muzium ini?**

**ESI :** Bagi saya, saya berharap agar dapat diadakan satu ruang ataupun penambahan beberapa artifak yang bernilai lah. *Sebab* [Kerana] kita tahu kita ni ada banyak artifak banyak yang bernilai, tetapi banyaknya duduk dengan pihak istana lah. Yang kita ada ni memang hak bernilai, kalau boleh kita boleh bila orang tengok "*uish, lawanyo*" [Wah, cantiknya]. Sebab ni hak artifak yang kita ada ni bukan kepunyaan Muzium. Ni koleksi peribadi Tengku Salwani, Sultan Ismail. Maknanya dia ni bukan hak muzium seratus peratus, cuma kita ini, jaga *jah* [sahaja]. Jaga pantau, cuci bersih, bangunan ini sendiri pun bukan hak kita. Ni adalah sebagai satu pinjaman. Dia *bagi* [beri] pinjam kepada muzium *jah* [sahaja] ini. Kita ini ditugaskan untuk menjaga, tapi hak milik itu bukan milik kita.

**AF : Jadi Muzium ini kepunyaan Muzium Negeri ataupun --**

**ESI :** Muzium ini dibawah pengawasan Muzium Negeri tapi bangunan ini sendiri bukan

- hak kita. Ini hak milik keluarga Diraja.
- AF** : **Pesanan dan nasihat Encik kepada generasi baru yang akan menguruskan Muzium ini?**
- ESI** : Kita mengharap kepada pelapis-pelapis baru agar lebih bekerja lebih baik. Sebab generasi baru ni-, yang akan lebih - *advance* [maju] untuk membawa hala tuju muzium yang lebih berkesan, lebih *efficient* [cekap].
- AF** : **Pesanan Encik kepada orang awam tentang kepentingan Muzium?**
- ESI** : Kita *taknak* [tidak mahu] benda ni hilang daripada kita. Sebab benda ni penting untuk generasi akan datang. Sebab *loonie* [sekarang ini] kita tengok Muzium *loonie* [sekarang ini] banyak persaingan kita, terutama sekali seperti taman tema, *supermarket* [pasaraya], KFC. Muzium ini jadi pilihan ke dua ke tiga *tak* [tidak] tahu lah. Kita nak menyedarkan masyarakat ni bukan senang. Ada yang boleh terima dengan cepat, ada yang *payah* [susah].
- AF** : **Adakah Encik ada nasihat terhadap Muzium lain terhadap pengurusan Muzium?**
- ESI** : Saya berpandangan begitu juga, agar kita Muzium ini sama-sama lah. Jatuh bangun kita ini biarlah sama sama. Sama-sama lah memajukan, berdaya saing.
- AF** : **Bagaimana pula pandangan Encik terhadap Muzium yang masih tidak mendapat sambutan ramai?**
- ESI** : Bagi saya, kita perlu berusaha lebih keras lah. Contohnya, strategi adalah kita mesti buat satu perubahan yang lebih menarik minat orang untuk tengok Muzium. Golongan sasar tu siapa dia. Kita kena lebih giat buat banner, banting sebagai

promosi, sebagai memberitahu kepada umum bahawasanya kita ada buat pameran. Satu lagi Facebook, pun penting untuk masuk dalam facebook apa-apa pameran yang dibuat oleh muzium untuk menarik orang lebih untuk datang ke muzium.

- AF** : **Soalan terakhir: Pada pendapat Encik, apakah aktiviti yang diperlukan di muzium untuk menarik orang ramai datang ke muzium?**
- ESI** : Pada pendapat saya untuk menarik orang datang ke muzium, buat bengkel ataupun apa-apa seminar berkaitan dengan sejarah ke, sebab bila kita buat seminar ini, mungkin orang lebih menarik untuk mendengar sejarah, ataupun isi-isi. Kalau bengkel itu, buat bengkel keris, batik, wau. Apa yang dibuat tu [itu] dia boleh buat naik, satu kepuasan bagi dia. Bengkel, seminar dan aktiviti perlu diadakan.
- AF** : **Itu sahaja. Demikian tadi temubual mengenai pengalaman Encik Sabki Bin Ibrahim mengenai Muzium Diraja Istana Batu yang ditubuhkan pada 1939 sehingga kini. Kami mengucapkan jutaan terima kasih atas kesudian beliau dalam memberi maklumat mengenai bangunan dan Muzium. Semoga hasil rakaman ini akan memberi manfaat kepada pendengar, penyelidik dan generasi akan datang. Sekian.**

#### **TAMAT BAHAGIAN 9**

## LOG WAWANCARA

Anith Farhana menemubual Encik Sabki Ibrahim, yang dilahirkan pada 1970, di Kelantan. Temubual dijalankan di Muzium Diraja Istana Batu, Kota Bharu, Kelantan mengenai pengalaman beliau sebagai seorang penyelia muzium pada tahun 1991 hingga 2019.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/ RUJUKAN
<b>BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG</b>		
1.00	Pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Kota, Kota Bharu. Seterusnya Sekolah Menengah Kebangsaan Kota.	Sabki Ibrahim
2.00	Maklumat kelahiran tokoh.	Sabki Ibrahim
2.00	Maklumat tentang keluarga	Sabki Ibrahim
<b>BAHAGIAN 2: PENDIDIKAN</b>		
4.00	Sumbangan tokoh di sekolah.	Sabki Ibrahim
5.00	Tahap pendidikan tertinggi adalah Sijil Pelajaran Tinggi Malaysia.	Sabki Ibrahim
<b>BAHAGIAN 3: KERJAYA</b>		
6.00	Mula berkhidmat di pintu bermula pada tahun 1991	Sabki Ibrahim
8.00	Pernah bekerja di bengkel batik di Pintu Geng pada tahun 1980.	Sabki Ibrahim
<b>BAHAGIAN 4: SEJARAH BANGUNAN</b>		
13.00	Muzium dibina pada tahun 1939.	Muzium Diraja Istana Batu
18.00	Reka bentuk gabungan Barat dan Timur ilham daripada Sultan Ismail ibni Almarhum Sultan Muhammad ke IV.	Sabki Ibrahim

21.00	Fungsi awal adalah sebagai Istana Kediaman yang dibina sempena perkahwinan Sultan Yahya dengan Raja Perempuan Zainab II.	Sabki Ibrahim
22.00	Maklumat perasmian istana menjadi muzium.	Muzium Diraja Istana Batu
<b>BAHAGIAN 5: MAKLUMAT LAIN MENGENAI BANGUNAN</b>		
30.00	Maklumat bangunan seperti jumlah, nama dan fungsi bilik.	Sabki Ibrahim
41.00	Pengarah muzium yang terkini ialah Tuan Haji Roslan Bin Hassan.	Sabki Ibrahim
49.00	Maklumat kerosakan yang pernah dihadapi di muzium.	Sabki Ibrahim
60.00	Purata pengunjung muzium.	Sabki Ibrahim
60.00	Kes kecurian di muzium.	Sabki Ibrahim
<b>BAHAGIAN 6 : REKA BENTUK BANGUNAN</b>		
69.00	Bangunan ini diilhamkan oleh Sultan Ismail anak kepada Sultan Muhammad ke IV	Sabki Ibrahim
70.00	Binaan pertama monument atau bangunan yang terdapat di Kelantan diperbuat daripada batu adalah Bank Kerapu pada sekitar tahun 1912.	Sabki Ibrahim
<b>BAHAGIAN 7 : AKTIVITI DAN PERKHIDMATAN DI MUZIUM</b>		
75.00	Maklumat mengenai aktiviti wajib dan aktiviti tahunan muzium.	Sabki Ibrahim
95.00	Sumbangan kewangan muzium dari kerajaan negeri, Muzium Negara; Jabatan Warisan Negara	Sabki Ibrahim
<b>BAHAGIAN 8: MAKLUMAT PENGANUGERAHAAN DAN KEJAYAAN</b>		
96.00	Pameran yang mendapat kutipan paling tinggi ialah pameran Didi and Friends.	Sabki Ibrahim
97.00	Pernah mendapat tempat yang kedua di	Sabki Ibrahim

	negeri Selangor, pameran terbaik antara negeri.	
100.00	Pameran Didi and Friends, pameran artifak Rasulullah, Sultan Mohammad Al-Fateh pernah diterbitkan di Malaysia Hari Ini	Sabki Ibrahim

#### **BAHAGIAN 9: PESANAN DAN HARAPAN**

112.00	Berharap pelapis-pelapis baru akan bekerja dengan lebih baik	Sabki Ibrahim
116.00	Muzium akan bergerak bersama-sama, jatuh bangun bersama-sama	Sabki Ibrahim
122.00	Aktiviti yang perlu diadakan ialah bengkel atau seminar yang berkaitan dengan sejarah.	Sabki Ibrahim

## DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
2.00ptg – 3.00ptg	23 Mac 2019	Pergi ke Muzium  Mencari maklumat mengenai Muzium dan orang yang akan ditemu ramah	Catatan awal dilakukan untuk membuat soalan
11.00pg – 12.00tgh	24 Mac 2019	Panggilan Telefon  Membuat panggilan telefon dengan tokoh buat kali yang pertama untuk mendapat persetujuan melakukan sesi temu ramah bersama beliau	Mendapat persetujuan untuk melakukan temu ramah
11.00pg – 12.30pg	11 April 2019	Hantar soalan  Berjumpa dan menghantar soalan kepada tokoh serta menerangkan mengenai temu ramah yang akan dilakukan	Memastikan tokoh memahami soalan dan keperluan yang diinginkan
11.00pg –		Berjumpa dengan tokoh bagi	Mencatat tarikh, masa

12.30tgh	11 April 2019	menetapkan tarikh yang sesuai untuk melakukan sesi temu ramah	dan tempat sesi temu ramah akan diadakan
9.00pg – 9.40pg	21 April 2019	<p>Perjalanan untuk menemubual tokoh</p> <p>Sesi temu bual ini mengambil masa dua jam dan ia dilangsungkan di Muzium Istana Batu</p>	Pastikan tiba di tempat tersebut pada masa yang telah dijanjikan
9.40pg – 10.00pg	21 April 2019	<p>Membuat persediaan untuk temubual</p> <p>Membuat persediaan untuk temu bual seperti mencuba <i>set-up</i> kamera untuk merekod video dan mencuba <i>microphone</i> untuk merakam suara</p>	Tempat untuk ditemubual itu diadakan di bilik khas di kediaman Sultan Ismail
10.00pg – 12.00tgh	21 April 2019	<p>Memulakan sesi temu bual bersama tokoh.</p> <p>Selepas selesai persediaan yang dibuat, Anith Farhana memulakan sesi temu bual bersama tokoh tersebut yang</p>	Tokoh memberi penerangan dengan sebaiknya dan menerangkan isi kandungan dengan jelas

		berlangsung selama dua jam.	
12.00tgh – 12.10tgh	21 April 2019	<p>Tamat sesi temubual.</p> <p>Selepas selesai sesi temu bual, kami mengemas peralatan yang digunakan.</p>	Memastikan semua peralatan dikumpul
12.10tgh – 12.30tgh	21 April 2019	Setelah selesai mengemas kami bergambar bersama tokoh dan memberi sedikit cenderamata daripada UiTM kepada tokoh.	Berterima kasih kepada tokoh atas kerjasama yang diberikan sebaiknya
12.30tgh – 2.00ptg	21 April 2019	<p>Pulang ke rumah.</p> <p>Selepas selesai memberi penghargaan kepada tokoh tersebut, kami pulang ke rumah</p>	Menyimpan rakan tersebut dan membuat beberapa salinan

## **SENARAI SOALAN**

### **SEKSYEN A: LATAR BELAKANG**

- 1 Boleh saya tahu nama penuh tuan?
- 2 Adakah tuan mempunyai nama gelaran? Jika ada apakah nama tersebut?
- 3 Dimanakah tempat tuan dilahirkan?
- 4 Pada bulan dan tahun berapa tuan dilahirkan?
- 5 Dimanakah tuan dibesarkan?
- 6 Dimanakah tuan menetap sekarang?
- 7 Apakah nama ibu tuan?
- 8 Apakah nama bapa tuan?
- 9 Berapakah bilangan adik-beradik tuan?
- 10 Tuan anak ke berapa?

### **SEKSYEN B: SEJARAH PENDIDIKAN**

- 11 Dimanakah tuan bersekolah rendah dahulu?
- 12 Pada tahun berapakah tuan tamat sekolah rendah?
- 13 Dimanakah tuan bersekolah menengah?
- 14 Bilakah tuan tamat sekolah menengah?

### **SEKSYEN C: KERJAYA TERKINI**

- 15 Apakah pekerjaan tuan pada masa kini?
- 16 Dimanakah tuan bekerja sekarang?
- 17 Apakah jawatan yang disandang oleh tuan?
- 18 Bilakah tuan mula bekerja di sini?
- 19 Adakah tuan berasa gembira berada di tempat kerja tuan?
- 20 Berapa lamakah tuan sudah berkhidmat di tempat kerja tuan?
- 21 Adakah tuan mempunyai pekerjaan lain selain dari pekerjaan tuan ketika ini?
- 22 Bagaimanakah tuan boleh terlibat dengan Muzium Diraja Istana Batu?
- 23 Siapakah idola tuan?
- 24 Mengapakah tuan menjadikan beliau sebagai idola tuan?

### **SEKSYEN D: SEJARAH BANGUNAN**

- 25 Mengapakah muzium ini ditubuhkan?
- 26 Bilakah bangunan ini ditubuhkan?
- 27 Apakah nama asal bagi muzium ini?
- 28 Dimanakah lokasi sebenar muzium ini?
- 29 Apakah yang dimaksudkan dengan muzium diraja istana batu?
- 30 Siapakah yang memberikan gelaran tersebut?
- 31 Mengapakah zaman dulu muzium ini dikenali sebagai Istana Batu?
- 32 Siapakah yang menyempurnakan peletakan batu asas bagi tapak muzium baru?
- 33 Bilakah tarikh peletakan batu asas tersebut?

- 34 Pada tahun berapakah muzium ini berpindah lokasi?  
35 Berapakah keluasan tapak muzium baru setelah berpindah lokasi?  
36 Mengapakah berlaku perpindahan lokasi muzium?  
37 Siapakah pengasas pertama bangunan ini?  
38 Siapakah penghuni pertama muzium ini sebelum berlaku perpindahan?  
39 Siapakah yang menjadi penghuni di muzium ini setelah berlaku pertukaran lokasi?  
40 Siapakah yang memberi idea untuk menubuhkan bangunan ini?  
41 Bagaimana datangnya idea untuk menubuhkan bangunan ini?  
42 Siapakah yang merasmikan muzium ini?  
43 Bila bangunan ini dirasmikan?  
44 Apakah nama penuh bagi muzium ini pada masa kini?  
45 Mengapakah nama tersebut dipilih?  
46 Mengapakah nama Muzium Diraja Istana Batu dipilih sebagai nama muzium ini?  
47 Berapakah kos penubuhan muzium ini?  
48 Apakah objektif awal penubuhan bangunan ini?  
49 Adakah objektif muzium ini berubah setelah ia mempunyai bangunan baru?  
50 Apakah misi dan visi untuk dicapai oleh bangunan ini?  
51 Adakah kawasan sebenar disini sebelum bangunan ini ditubuhkan?  
52 Apakah terdapat bangunan lain selain daripada muzium ini ketika penubuhan?  
53 Mengapakah kawasan ini dipilih?  
54 Berapa lamakah masa diambil untuk menyiapkan bangunan ini?  
55 Adakah terdapat masalah yang dihadapi ketika menubuhkan bangunan ini?  
56 Apakah kaitan Sultan Ismail Petra dengan muzium ini?

#### **SEKSYEN E: MAKLUMAT LAIN MENGENAI BANGUNAN**

- 57 Berapakah bilangan tingkat di muzium ini?  
58 Berapakah keluasan ruangan dalaman muzium ini?  
59 Berapakah bilangan ruangan solat di muzium ini?  
60 Berapakah bilangan bilik yang terdapat dalam muzium ini? Sila nyatakan.  
61 Berapakah kos pembayaran elektrik muzium ini setiap bulan?  
62 Berapakah kos pembayaran air muzium ini setiap bulan?  
63 Adakah terdapat kos-kos yang lain? Jika ada, sila nyatakan.  
64 Siapakah ahli jawatankuasa tertinggi di muzium ini?  
65 Mengapakah beliau dilantik sebagai ahli jawatankuasa tertinggi?  
66 Berapa ramai petugas yang bertugas mengendalikan muzium ini?  
67 Adakah setiap orang yang bertugas memiliki tugas yang berlainan?  
68 Berapakah pembayar gaji yang dibuat oleh pihak muzium kepada setiap petugas di muzium ini?  
69 Adakah terdapat pertukaran petugas muzium pada setiap waktu setiap hari?  
70 Selain menjadi pusat bersejarah, adakah terdapat perkhidmatan lain yang terdapat di muzium ini?  
71 Selain perkhidmatan yang disediakan muzium, adakah terdapat fasiliti dan bangunan lain yang terdapat di muzium?  
72 Adakah muzium ini dimiliki penuh oleh kerajaan negeri atau kepunyaaan persendirian?  
73 Adakah muzium ini pernah mengalami kerosakan seperti kebocoran bumbung dan lain-lain?  
74 Berapakah jumlah Pengunjung yang boleh dimuatkan dalam muzium ini pada satu masa?

- 75 Berapa ramai anggaran Pengunjung yang datang ke muzium pada setiap waktu melawat?
- 76 Pada waktu melawat manakah bilangan pengunjung datang ke muzium paling ramai?
- 77 Pernahkah ada sesiapa mempersoalkan tentang kewujudan muzium ini? Ini kerana kebanyakan orang tidak tahu sejarah muzium ini.
- 78 Pernahkah muzium ini mengalami kerosakan yang teruk ketika bencana alam berlaku?
- 79 Apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah ketika bencana alam berlaku?
- 80 Siapakah yang menguruskan muzium jika berlaku bencana?
- 81 Pernahkah muzium ini mengalami kerugian yang teruk akibat daripada bencana alam atau lain-lain faktor yang berkaitan?
- 82 Bagaimanakah pihak muzium menguruskan petugas-petugas di muzium ini bagi menjalankan kerja dengan teratur?
- 83 Pernahkan muzium ini dipecah masuk oleh pihak tidak bertanggungjawab seperti pencuri?
- 84 Pernahkah berlaku kes penggelapan wang atau pecah amanah oleh ahli jawatankuasa muzium ini sendiri?
- 85 Pernahkah muzium ini berlaku pengubahan atau penambahan bagi ruang artifak?
- 86 Apakah ciri-ciri keselamatan yang digunakan dalam muzium ini?
- 87 Adakah muzium ini mempunyai kelengkapan yang cukup bagi memastikan keselesaan pengunjung?

#### **SEKSYEN F: REKA BENTUK BANGUNAN**

- 88 Adakah konsep muzium ini telah di ubahsuai?
- 89 Adakah muzium ini mempunyai rekaan tersendiri?
- 90 Adakah muzium ini dibina berdasarkan batu sahaja?
- 91 Apakah reka bentuk yang digunakan oleh bangunan muzium ini pada awal penubuhan?
- 92 Apakah keistimewaan yang terdapat pada muzium ini?
- 93 Mengapa ia menjadi keistimewaan di muzium ini?

#### **SEKSYEN G: AKTIVITI DAN PERKHIDMATAN**

- 94 Apakah aktiviti yang selalu diadakan di muzium ini?
- 95 Apakah aktiviti wajib yang dilakukan di muzium ini pada setiap tahun?
- 96 Berapakah jumlah sumbangan wang yang paling banyak yang pernah diterima oleh muzium sepanjang penubuhan?
- 97 Kemanakah hasil wang kutipan sumbangan atau derma disalurkan?
- 98 Apakah sumbangan muzium ini kepada masyarakat di Kota Bharu?
- 99 Apakah sumbangan muzium ini kepada negeri Kelantan?
- 100 Apakah sumbangan muzium ini kepada negara?

#### **SEKSYEN H: MAKLUMAT PENGANUGERAHAN DAN KEJAYAAN**

- 101 Bagaimanakah penerimaan masyarakat terhadap muzium ini?
- 102 Berapa banyak anugerah yang telah diterima oleh muzium ini dan apa?

- 103 Adakah muzium ini pernah mendapat liputan media massa?
- 104 Apakah liputan media massa yang pernah diadakan di muzium ini?
- 105 Mengapakah muzium ini mendapat liputan media massa?

#### **SEKSYEN I: PESANAN DAN HARAPAN**

- 106 Apakah harapan tuan terhadap muzium ini kepada masyarakat di Kota Bharu?
- 107 Apakah harapan tuan terhadap muzium ini kepada negeri Kelantan?
- 108 Apakah harapan tuan terhadap muzium ini kepada negara pada masa akan datang?
- 109 Adakah tuan berharap agar muzium ini akan dikenali sebagai salah satu ikon dalam kalangan masyarakat?
- 110 Apakah tuan berharap agar muzium ini mendapat pengiktirafan yang lebih banyak lagi pada masa akan datang?
- 111 Adakan tuan berharap agar pengurusan muzium ini akan terus dipertingkatkan?
- 112 Apakah penambahbaikan yang tuan harap dipertingkatkan di muzium ini?
- 113 Apakah pesanan tuan kepada orang awam tentang kepentingan muzium ini?
- 114 Apakah pesanan tuan kepada generasi baru yang akan menguruskan muzium ini?
- 115 Apakah harapan tuan terharap sambutan masyarakat di Kota Bharu terhadap muzium ini?
- 116 Apakah nasihat tuan terhadap muzium lain tentang pengurusan muzium?
- 117 Apakah nasihat tuan terhadap muzium yang masih tidak mendapat sambutan ramai?
- 118 Apakah yang tuan rasa perlu ada di muzium untuk menarik orang ramai untuk hadir ke muzium?
- 119 Apakah nasihat kepada masyarakat supaya mereka hadir ke muzium?
- 120 Pada pendapat tuan, apakah aktiviti yang perlu dilakukan di muzium untuk menarik orang ramai untuk hadir ke muzium?



## UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Kelantan

### PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan Muzium Diraja Istana Batu ..... Pada 21 APRIL 2019 .....

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat:  
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyalidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyalidik dalam dan luar negeri mulai dari 21/4/2019. (tarikh).  
Dipersetujui pada 24/4/2019..... oleh kedua pihak yang berkenaan.

Pengisah (Tokoh)

Ketua Pusat Pengajian  
Fakulti Pengurusan Maklumat,  
Fakulti Sains Pentadbiran dan  
Pengajian Polisi & Fakulti Undang-  
Undang, UiTM Caw. Kelantan

## INDEKS

<b>A</b>	
Advance, 48	
Artifak, 16, 19, 20, 32, 39, 45, 47, 52	
Astro, 38, 39	
<b>B</b>	
Balai Tarik, 16, 17, 40	
Bank Kerapu, 34, 51	
Bilik, 13, 15, 16, 17, 18, 22, 32, 33, 51	
<b>C</b>	
CCTV, 28, 29	
<b>D</b>	
Didi and Friends, 35, 37, 38, 39	
<b>I</b>	
Istana Batu, 1, 6, 9, 10, 11, 16, 18, 25, 30, 34, 39, 43	
Istana Hinggap, 10	
Istana Jahar, 9, 11, 16, 23, 30, 40	
Istana Kediaman, 10	
<b>J</b>	
Jabatan Kerja Raya, 22, 40	
Jabatan Warisan Negara, 22, 23, 35	
Jubli Perak, 27	
<b>K</b>	
Kelantan, 1, 6, 7, 8, 9, 10, 12, 16, 18, 22, 29, 30, 34, 35, 36, 37, 38, 39, 40, 41	
Kota Bharu, 1, 9, 40, 41	
Kota Saba, 9	
<b>M</b>	
MARDY CARE, 22	
Melayu, 33, 34	
Melayu Kelantan, 33	
Monaliza, 26	
MPKB, 47	
Muzium Diraja, 1, 12, 34, 43	
Muzium Negara, 32, 33, 35	
Muzium Negeri, 6, 35, 36, 39, 40, 41	
<b>P</b>	
Pahang, 32	
Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, 6	
permanent, 45, 46, 49, 51, 52	
pameran, 45, 46	
Pintu Geng, 7	
<b>R</b>	
Raja Perempuan Zainab II, 10, 12, 12, 51	
Rasulullah, 38, 45, 52	
<b>S</b>	
Sabah, 32, 34	
Sekolah Kebangsaan Kota, 1	
Sekolah Menengah Kebangsaan Kota, 1	
Siam, 27	
SPM, 4	
SUK, 46	
Sultan Ismail Ibni Almarhum Sultan	
Muhammad IV, 10, 11, 15, 16, 17	
Sultan Ismail Petra, 12, 14, 15, 16	
Sultan Mohammad Al-Fateh, 39	
Sultan Yahya, 10, 12, 14, 15, 17, 30	
STPM, 4	
<b>W</b>	
Wan Ali Wan Ahmad, 40	
<b>Y</b>	
Yajud Maujud, 38	